

# **KELESTARIAN KHAZANAH TRADISI ISLAM *QASIDAH BURDAH* DALAM MASYARAKAT SETEMPAT: KAJIAN KES DI KAMPUNG HILIR, MERBOK, YAN, KEDAH**

**Sakinah Abu Bakar**

---

## **Abstrak**

Qasidah Burdah dikatakan berasal daripada sebuah kisah penyembuhan ‘mistik’ seorang imam yang berasal dari tanah Arab. Beliau ialah Imam Sharafuddin Abu Abdullah Muhammad bin Hassan al-Busiri. Beliau lahir di Bahtim, Mesir pada 608H bersamaan 1212M dan wafat pada 696H bersamaan 1296M di Iskandariah, Mesir. Pada suatu ketika beliau dikatakan mengalami penyakit lumpuh separuh badan. Peluang untuk sembuh tipis dan doktor pun sudah berputus asa. Imam Sharafuddin berikhtiar dengan mengarang sebuah qasidah yang memuji junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Umumnya, Penyelidikan ini bertujuan meneliti, menganalisis unsur kesenian Islam dan aspek persembahan yang terdapat dalam Qasidah Burdah.

**Kata kunci:** Qasidah Burdah, meneliti, menganalisis, kesenian Islam, aspek persembahan.

## **Pengenalan: Latar Persejarahan Qasidah Burdah**

Qasidah burdah dikatakan berasal daripada sebuah kisah penyembuhan ‘mistik’ seorang imam yang berasal dari Tanah Arab. Beliau ialah Imam Sharafuddin Abu Abdullah Muhammad bin Hassan al-Busiri. Beliau lahir di Bahtim, Mesir pada 608H bersamaan 1212M dan wafat pada 696H iaitu 1296M di Iskandariah, Mesir<sup>1</sup>. Pada suatu ketika, beliau dikatakan mengalami penyakit lumpuh separuh badan. Doktor yang merawatnya memutuskan bahawa peluang untuk sembuh adalah tipis. Lalu, Imam Sharafuddin berikhtiar dengan mengarang sebuah qasidah yang memuji junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Berbekalkan kasih sayang dan kerinduan seorang hamba

Allah terhadap pesuruh-Nya, maka terhasillah sejumlah 161 bait syair.<sup>2</sup>Tujuan beliau berbuat demikian adalah untuk mendapatkan keberkatan dengan memuji Rasulullah SAW dan berharap agar Allah menyembuhkan penyakitnya. Pada satu malam, beliau bermimpi Rasulullah datang menziarahinya lalu menyapukan tangan Baginda pada bahagian badan beliau yang sakit dan kemudian menyelimutinya dengan sehelai selendang (burdah). Sebaik sahaja selesai, Imam Busiri terjaga daripada tidurnya dan mendapati penyakit lumpuh yang dihidapinya telah sembuh. Tubuh badan beliau sihat seakan-akan tidak pernah ditimpa penyakit lumpuh tersebut. Kesembuhan tersebut diyakini berlaku melalui keberkatan kasih sayang dan puji-pujian terhadap Nabi Muhammad SAW dan mimpi akan Rasulullah yang datang dengan selendang atau 'burdah' yang telah diselimutkan ke badannya. Sempena kejadian tersebut Imam Busiri menamakan qasidah yang baharu sahaja diselesaikannya itu dengan 'burdah.' Riwayat lain menyebutkan bahawa Imam Busiri mendapati burdah tersebut berada di atas badan apabila beliau terjaga daripada tidurnya. Terdapat juga versi lain yang menyebut bahawa sebelum Baginda Rasulullah menyelimutkan Imam Busiri, Baginda meminta Imam Busiri memperdengarkan syair tersebut kepada Baginda. Baginda berasa amat gembira lalu menghadihkan burdah kepada Imam Busiri.

Burdah bermaksud kain tudung yang lazimnya digunakan untuk menutupi sepertiga wajah wanita yang berkelubung litup. Burdah diterjemahkan daripada bahasa Arab yang bermaksud selendang ataupun *Qasidah Burdah*<sup>3</sup>atau *the poem of the Scarf*. Namun, pengertian burdah dalam artikel ini merujuk kepada sejenis kesenian tradisi Islam yang telah diamalkan berkurun lamanya dan masih dikenali sehingga kini; yang dipersembahkan berpandukan teks qasidah burdah yang telah diperkatakan tentang asal usulnya sebelum ini. Generasi masa kini tidak lagi mengenali dan mengetahui akan wujudnya tradisi ini. Masyarakat Islam umumnya percaya bahawa burdah merupakan sejenis puisi yang disebarkan oleh ahli-ahli sufi sebagai cara untuk menzahirkan kepercayaan beragama dalam bentuk sastera yang tinggi sifatnya yang diilhamkan dan diinspirasikan dengan sepenuh hati dan penuh kejujuran. Kepercayaan tersebut juga didasarkan kepada keyakinan bahawa Nabi Muhammad SAW hidup selama-lamanya secara spiritual. Masyarakat Islam juga yakin akan mendapat syafaat pada hari akhirat nanti. Al-Quran dan hadis banyak menyebut tentang keutamaan dan kelebihan membaca selawat dan salam ke atas Baginda Rasulullah SAW. Antaranya, firman Allah yang bermaksud;

“Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu juga berselawat dan mengucapkan salam ke atas Baginda” (Surah al-Ahzab: 56).

Justeru, memuji sambil berselawat amat dituntut dalam agama Islam. Muhammad Bukhari Lubis dalam bukunya *Qasidahs in Honor of the Prophet* (1983) menyebut bahawa pada peringkat awal, lahir beberapa orang penyair yang mengarang syair memuji Nabi Muhammad SAW semasa hayat Baginda. Mereka antara lain ialah Kaab ibn Zuhayr dan Hassan ibn Thabit r.a. Walau bagaimanapun, para pengkaji percaya pelopor al-Mada'ih al-Nabawiyah<sup>4</sup>ialah al-Busiri. Puisi-puisi ini dikenali sebagai 'panegyric' kerana puisi-puisi jenis ini digubah' ...in order to gain God's favor by proclaiming the merits of Islam and praising the attributes of the messenger (SAW), iaitu untuk mendapat keredaan Allah dengan memuji pesuruh-Nya Nabi Muhammad SAW (Muhammad Bukhari Lubis, 1983). Beliau juga menegaskan yang al-Busiri menghasilkan karya puitis yang mengandungi puji-pujian kepada Baginda. Karya ini mempunyai struktur dan ciri yang istimewa. Antara puisi jenis ini yang dihasilkan oleh Al-Busiri ialah al-Burdah (al-Qasidah al-Mimiyah) dan al-Qasidah (al-Hamdhayah) yang dianggap paling dicontohi; antara keduanya al-Burdah paling mendapat reputasi kerana keunggulannya. Oleh sebab kemasyhurannya, karya ini telah diterjemahkan dalam banyak bahasa orang Islam seperti Parsi, Turkish, Urdu, Pashto, Punjabi, Melayu dan Swahili. Malah, karya berkenaan diterjemahkan juga ke dalam bahasa-bahasa Eropah seperti Perancis, Jerman, Inggeris dan Itali. Qasidah burdah karangan al-Busiri mengandungi 161 bait syair yang memuji Rasulullah SAW dan perjuangannya serta para sahabat dalam gaya bahasa yang indah lagi puitis. Oleh sebab itu, para ulama menggelar al-Busiri sebagai *Sayyidul Maddah* yang bererti penghulu para pemuji Rasulullah SAW.

Genre kesenian seperti qasidah burdah ini termasuk dalam kategori warisan kebudayaan tidak ketara. Warisan ini termasuklah juga bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik yang boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, penggubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri, iaitu yang telah wujud atau wujud berhubung warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung warisan masyarakat Malaysia. Warisan kebudayaan yang penting bermaksud warisan kebudayaan yang bernilai estetik, arkeologi, seni bina, kebudayaan, sejarah, saintifik, sosial, spiritual, linguistik atau teknologi (Mohd. Nadzri Ariffin & Aziz Hussin, Abdul Aziz Hussin, 2011).

Menyedari akan kepentingan dan keunikan tradisi ini, maka sekumpulan wanita di Kampung Hilir<sup>5</sup>, Merbok, Kedah berjuang mempertahankan tradisi ini, seterusnya berhasrat memastikan kesinambungannya. Kajian ini akan meneliti beberapa aspek teks dan persembahan tradisi ini yang antara lain bertujuan

mengangkat bentuk kesenian Islam yang semakin terpinggir. Keadaan menjadi bertambah buruk pada masa kini kerana tulisan jawi tidak lagi menjadi mata pelajaran wajib di sekolah dan ibu bapa juga tidak berminat untuk memupuk kemahiran membaca jawi kepada anak-anak mereka. Padahal, kemahiran membaca jawi amat membantu kelancaran bacaan al-quran. Justeru, secara tidak langsung tumpuan pada al-Quran turut terabai. Kajian ini boleh dianggap sebagai usaha untuk pemeliharaan <sup>6</sup> tradisi burdah dalam masyarakat Islam di Kedah khususnya. Walaupun telah ada usaha yang dijalankan oleh beberapa pihak untuk memastikan kelestariannya, kajian ilmiah harus dilaksanakan untuk menyokong usaha tersebut. Kajian ini akan memfokuskan kepada dua elemen utama iaitu teks dan persembahannya. Hasil kajian ini diharapkan akan menambah khazanah bangsa Melayu dan agama Islam dan seterusnya menjadi rujukan kepada banyak pihak terutama kepada pencinta kesenian tradisi.

### **QASIDAH BURDAH DARIPADA ASPEK BACAAN STRUKTURAL**

Struktur teks klasik mempunyai keunikannya yang tersendiri. Begitu juga dengan qasidah burdah. Justeru, agak merugikan seandainya perbincangan tidak ditumpukan kepada struktur teks. Selain itu, kajian struktural juga dapat memperjelaskan tentang kekuatan teks daripada pelbagai aspek, terutama yang berhubung langsung dengan nilai kesusasteraan. Teks kajian dalam perbincangan ini bertajuk *Qasidah Burdah* terjemahan Abu Ali Al-Banjari An Nadwi cetakan pertama oleh Khazanah Banjariah, Maahad Tarbiah Islamiah, Derang, Kedah Darul Aman. Dalam mukadimah naskah tersebut, penterjemah menegaskan tentang tradisi dan amalan umat Islam turun-temurun, iaitu amalan memuji dan menyebut kemuliaan akhlak Rasulullah SAW. Amalan ini merupakan sebahagian daripada cara umat Islam meluahkan perasaan kasih sayang dan cinta yang mendalam terhadap Kekasih Allah dan makhluk Allah paling sempurna, iaitu Nabi Muhammad SAW. Walau banyak manapun puji-pujian itu diamalkan namun, belum dapat menyebut segala keistimewaan yang telah dikurniakan Allah SWT kepada Baginda SAW (Abu Ali Al-Banjari An Nadwi, 1998). Hal ini selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud bahawa, “*Sesungguhnya engkau wahai Muhammad berada di atas akhlak yang sangat Agung*” (Surah al-Qalam:4). Allah SWT, Zat Maha Agung lagi Maha Mulia telah memuji ketinggian akhlak Baginda SAW. Maka, pujian Allah itu sudah tentu nilainya melebihi sebarang pujian makhluk manusia terhadap Baginda SAW. Bagaimana pujian makhluk dapat menandingi pujian Allah? (Abu Ali Al-Banjari An Nadwi, 1998). Berdasarkan ayat tersebut, Al-Busiri menarik perhatian khalayak tentang cara memuji Nabi Muhammad SAW dalam *Qasidah Burdah* bait 43 yang bermaksud,

“Tinggalkan cara Nasrani (Kristian) dalam menyanjung nabi mereka (Nabi Isa a.s) selepas itu terserahlah kepadamu untuk memuji Baginda sesuka hatimu.” Jadi, menurut Imam Al-Busiri asalkan tidak melampaui batas dalam memuji Baginda seperti orang Kristian melampaui batas memuji Nabi Isa a.s sehingga mengatakannya sebagai Tuhan, maka orang Islam bebas memuji Baginda dengan apa jua perkataan. Bacaan qasidah menjadi amalan masyarakat Islam yang sering diniatkan agar berkat puji-pujian terhadap Rasulullah SAW itu akan disembuhkan oleh Allah berbagai-bagai penyakit.

*Qasidah Burdah* yang mengandungi 161 bait syair itu dibahagikan kepada sepuluh bahagian di bawah tajuk-tajuk seperti berikut;

**Jadual 1** Sepuluh bahagian utama dalam *Qasidah Burdah*

Bil.	Bahagian	Tajuk	Jumlah Bait
1.	Pertama	Kerinduan kepada Baginda dan negeri Madinah Al-Munawwarah	10
2.	Kedua	Amaran Jangan Mengikuti Hawa Nafsu	18
3.	Ketiga	Puji-pujian kepada Baginda	30
4.	Keempat	Peristiwa di Sekitar Kelahiran Nabi	13
5.	Kelima	Mukjizat Baginda Rasulullah	16
6.	Keenam	Kemuliaan Al-Quran	17
7.	Ketujuh	Isra' dan Mi'raj dan Keistimewaan Baginda SAW	13
8.	Kelapan	Jihad Baginda Bersama dengan Para Sahabatnya	22
9.	Kesembilan	Istighfar (Meminta Ampun) dan Tawassul (Berdoa dengan Keberkatan Baginda)	12
10.	Kesepuluh	Doa dan Munajat	10

Selain itu, susunan bait-baitnya berkesinambungan dari bahagian pertama yang bermula dengan bait 1 sehingga berakhir di bait 161 dalam bahagian kesepuluh. Bacaan burdah diselangi dengan doa yang ditambah oleh para ulama; pertama, doa yang dibaca selepas setiap dua bait atau selepas setiap tajuk. Doa-doa tersebut mengandungi selawat dan salam dan juga doa serta tawassul, iaitu meminta kepada Allah SWT dengan keberkatan Baginda dan ketinggian darjatnya agar dikabulkan segala permohonan. Doa-doa tersebut bermaksud seperti yang berikut;

“Wahai Tuhanku! Curahkanlah selalu selawat dan salam Mu kepada kekasih-Mu (Muhammad) sebaik-baik makhluk keseluruhannya.”

“Wahai Tuhanku! Dengan berkat Nabi Muhammad yang terpilih, engkau persampaikan kiranya segala hajat-hajat kami dan ampunkanlah dosa-dosa kami yang telah lalu. Wahai Tuhan yang sangat luas kemurahan Nya.”

Setiap stanza mengandungi dua bait yang membawa penceritaan yang berkesinambungan. Hal ini bersesuaian dengan teks *Qasidah Burdah* yang bersifat naratif. *Qasidah Burdah* dikarang berdasarkan konsep tauhid yang bermaksud mengesakan Tuhan yang dinyatakan melalui ucapan syahadat, 'Tiada Tuhan yang ku sembah melainkan Allah dan Muhammad itu adalah Rasulullah.'

Secara umumnya, dapat dikatakan bahawa kesenian Islam tidak boleh dinilai menerusi neraca kesenian Barat yang bersumberkan seni Yunani yang menganjurkan naturalisme berfokuskan figura manusia sebagai lambang kecantikan. Hal ini bertentangan dengan anjuran tauhid iaitu yang memisahkan Tuhan daripada manusia; Tuhan di atas dan manusia di bawah. Seni Islam tidak menggambarkan apa-apa yang tidak boleh dilihat oleh mata manusia. Inti kesenian Islam ialah antinaturalisme. Hal ini demikian kerana naturalisme merupakan sejenis penipuan yang mengajak manusia menikmati sesuatu yang palsu. Menurut Al-Faruqi, Tauhid menghasilkan konsep *arabesque*, yakni sejenis pengulangan yang tidak terdapat dalam kesenian budaya lain. Bentuk bunga-bunga dan daun yang berbentuk *geometric* diulang-ulang sehingga pupus reka bentuk asalnya dan tidak lagi menyerupai apa-apa dari dunia nyata. Pandangan ini berupaya menyangkal dakwaan ahli sejarah seni Barat yang mengatakan bahawa seniman Muslim tertakluk pada ruang kosong sehingga diisinya dengan bentuk-bentuk ulangan yang tidak berkesudahan.

Meskipun keseluruhan naskhah ini disusun sebanyak sepuluh bahagian dengan begitu indah dan puitis serta mengandungi makna yang amat penting untuk diketahui oleh seluruh umat Islam, perbincangan ini hanya akan berfokus kepada dua bahagian (kajian-kajian selanjutnya akan berfokus pada bahagian-bahagian lain). Dua bahagian berkenaan ialah yang berkait langsung dengan amalan melagukan dan mengamalkan qasidah ini; pertama bahagian kelima iaitu tentang 'Mukjizat Rasulullah' sepanjang 16 bait dan bahagian kesepuluh iaitu 'Doa dan Munajat' sepanjang sepuluh bait.

#### **PERBINCANGAN: ANALISIS RINGKAS BAHAGIAN KELIMA DAN KESEPULUH**

Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, bahagian kelima yang menceritakan tentang mukjizat Rasulullah yang dikarang dalam 16 bait dalam bahasa yang sangat puitis. Bahagian kelima bermula dengan bait yang ke-72 dan berakhir dengan bait 90. Perhatikan bait ke-72 sehingga bait ke-74 yang diturunkan seperti berikut;

- Pohon-pohon kayu datang bersujud di hadapan Baginda kerana memenuhi panggilannya. Ia berjalan ke hadapan Baginda di atas batangnya tanpa ada kaki.
- Akar pohon-pohon kayu itu membuat garis-garis indah sepanjang jalannya menuju Baginda, seakan-akan sebuah kaligrafi yang sangat indah.
- Begitu pula halnya awan yang selalu berjalan mengikuti ke mana sahaja Baginda berjalan. Ia menaungi Baginda dari terik panas matahari. Ketiga-tiga bait tersebut menceritakan tentang pohon dan awan yang memuliakan Baginda Rasulullah. Walaupun dilakar dalam bahasa yang bersahaja, ia meninggalkan kesan dramatik dan visual daripada perlakuan pohon-pohon yang berjalan tanpa kaki dan akarnya melakar kaligrafi. Awan pula digambarkan bergerak melindungi Baginda dengan taatnya. Bait 75 sehingga bait 78 pula menceritakan tentang kesucian dan ketinggian akhlak Rasulullah, kisah Baginda dan Abu Bakar As-Siddiq yang berlindung di Gua Thur dan terselamat daripada ancaman kafir; bait ke-78 menceritakan kisah burung merpati dan labah-labah yang bersarang di pintu gua sehingga mengabui mata kaum kafir yang memburu Baginda, manakala bait ke-79 menceritakan akan kekuasaan Allah terhadap hamba-Nya.
- Mereka menyangka, tak mungkin labah-labah itu membuat sarangnya di pintu gua itu dan tak mungkin burung merpati itu bersarang di situ, seandainya Nabi dan Abu Bakar di dalamnya.
- Pemeliharaan Allah adalah jauh lebih kukuh daripada baju-baju besi yang berlapis-lapis dan daripada benteng yang tinggi.

Bait 79 hingga bait 83 memperkatakan peringatan tentang keistimewaan Baginda yang mendapat wahyu daripada Allah; "...Baginda sentiasa dalam keadaan jaga walaupun ketika kedua matanya tertidur.../tidak ada satu perkara yang patut engkau ingkari dari mimpi seorang Nabi...." Bait 84, 85 dan 86 menjelaskan tentang kebesaran Allah SWT dan kesucian Nabi Muhammad SAW:

- Maha Suci Allah! Wahyu itu satu perkara yang tak dapat diusahakan oleh manusia (bahkan ia hanyalah anugerah Allah semata-mata). Begitulah pula seorang Nabi tidak patut dituduh mereka-rekakan perkara yang ghaib.
- Berapa banyak orang sakit yang menjadi sembuh dengan berkat sentuhan tangannya dan berapa banyak pula hajat yang tertunai dari berkat doanya.
- Doa Baginda telah menyuburkan tahun kekeringan (kemarau) sehingga kelihatan berbeza dari tahun-tahun yang lain, seperti hari yang cerah jauh berbeza dari hari-hari yang hitam gelap.

Seterusnya bait 87 hingga bait 90 menceritakan tentang keberkatan doa Baginda yang diungkap puitis dan naratif; "...dengan berkat doa Baginda, awan mendung telah datang membawa hujan lebat, lalu engkau melihat lembah yang luas itu seakan-akan laut lepas atau banjir besar yang deras menggulung..." Selain itu, kebesaran Nabi dan kehebatan Baginda umpama '...terangnya api tanda menerima tetamu yang diletakkan di atas bukit yang tinggi' dan umpama 'permata' yang indah. Penyair menegaskan dalam para pujangga sepertinya tidak akan mampu menggambarkan tentang kehebatan akhlak Baginda yang tinggi itu dalam syair-syair mereka. Ungkapan kekerdilan diri ini merupakan suatu teknik penceritaan yang lazim terdapat dalam manuskrip klasik, dikenali sebagai *apology*.

Bahagian kesepuluh yang menjadi tumpuan perbincangan dalam makalah ini selanjutnya terdiri daripada sepuluh bait syair yang bertajuk 'Doa dan Munajat' bermula dengan bait 152 hingga bait 161. Seluruh bahagian ini adalah tentang peringatan kepada umat Islam agar berdoa dan berserah diri kepada-Nya. Bait 152 merupakan pengharapan syafaat daripada Baginda Nabi ketika mereka dalam kesusahan di Padang Mahsyar.

- Wahai makhluk yang paling mulia! Siapa lagi yang akan menolongku selain engkau ketika berlakunya huru-hara yang menyeluruh (di Padang Mahsyar).
- Kiranya, pangkatmu yang luas itu tidak akan sempit dari melindungiku, ketika Allah akan tampil dalam keadaan seorang yang akan membalas segala dosa dan kesalahan.
- Kebaikan dunia dan kebaikan akhirat adalah sebahagian dari kemurahan mu, sementara ilmu yang ada di Luauhul Mahfuz dan Al-Qalam adalah sebahagian dari ilmu yang diberi oleh Allah kepadamu.

Ketiga-tiga bait yang dipetik di atas menjurus pada keistimewaan Nabi Muhammad SAW yang boleh memberi syafaat kepada umatnya di Padang Mahsyar nanti. Dari sudut kesusasteraan, bait-bait ini disampaikan dalam bentuk pernyataan kerana bahagian ini lebih memberatkan persoalan doa dan munajat, iaitu penyerahan diri manusia kepada Allah. Doa juga dipohon buat Baginda, antaranya seperti yang berikut;

- Ya Allah, izinkanlah bagi awan rahmat untuk mencururkan selawat dan salamnya ke atas Nabi Muhammad SAW. Biarlah ia tercurur dengan deras dan lebatnya.



Gaya penyampaian qasidah ini bersesuaian dengan matlamat teks ini dikarang, iaitu menceritakan tentang keunggulan Nabi Muhammad SAW dan bermatlamat untuk mendapat keberkatan daripada Baginda.

### **KAJIAN KES DI KAMPUNG HILIR: PERSEMBAHAN QASIDAH BURDAH**

Kampung Hilir terletak di pinggir Pekan Merbok, Kedah iaitu kira-kira 20 kilometer dari Bandar Sungai Petani. Meskipun daerah ini telah dibangunkan dengan infrastruktur seperti lebuh raya, bandar baharu, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan institut pengajian tinggi (UITM), masih ada masyarakat Melayu Islam yang cuba mengekalkan tradisi kesenian Islam seperti qasidah burdah. Usaha ini telah dilaksanakan oleh sekumpulan wanita yang menggelar kumpulan mereka sebagai 'Sautunnisak.' Kumpulan ini terdiri daripada 12 orang wanita dewasa yang mana kesemuanya adalah suri rumah sepenuh masa. Mereka antara lain ialah Puan Siti Meriam Ismail (ketua kumpulan), Puan Norshidah Harun, Puan Masturah Zainol, Puan Sofiah Yahya, Puan Hasnah Zin, Puan Rosma Rosman, Puan Hawa Salleh dan Puan Che Norlia Ahmad. Keupayaan mereka menguasai tulisan jawi dan bacaan al-Quran membolehkan tradisi ini dipertahankan.

Kumpulan Sautunnisak ini sudah dikenali di negeri Kedah Darul Aman. Mereka sering dijemput untuk mempersembahkan qasidah burdah dalam majlis-majlis rasmi anjuran Majlis Kebudayaan Negeri Kedah dan juga jemputan daripada individu sempena majlis sambutan Maulidur Rasul, cukur jambul, berkhatan dan kenduri kahwin. Hal ini demikian kerana pihak penganjur memahami bahawa majlis yang berteraskan ingatan dan puji-pujian terhadap Nabi Muhammad SAW akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Kajian yang telah dilaksanakan terhadap kelestarian qasidah burdah di Kampung Hilir ini juga mempamerkan persembahan qasidah burdah yang diadakan khusus untuk tujuan rakaman. Persembahan yang dilaksanakan dihadiri oleh beberapa keluarga penduduk setempat. Jamuan ringan telah diadakan untuk menyatukan mereka dalam majlis yang sungguh permai dan syahdu. Para hadirin diperdengarkan dengan qasidah burdah yang berkumandang dengan merdu dan mersik suara sekumpulan wanita sepanjang pagi selama lebih kurang tiga jam. Naskhah qasidah burdah karangan Al-Imam Muhammad bin Said Al-Busiri yang telah diterjemahkan oleh Abu Ali Banjari An-Nadwi telah diguna pakai sepanjang persembahan. Sebagaimana majlis memperingati Nabi Muhammad

SAW yang lain, para hadirin berlumba-lumba membawa air dalam botol atau takar dan meletakkan di tengah-tengah majlis sepanjang persembahan diadakan. Tujuannya adalah untuk menjadikan air tersebut sebagai minuman penerang hati bagi mengambil keberkatan daripada majlis yang telah diadakan. Daripada aspek kemasyarakatan, majlis seumpamanya berupaya menjalin dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama mereka.


## **RUMUSAN**

Qasidah burdah terkenal sebagai sebuah kesenian Islam yang unik kerana nilai keagamaan dan nilai kesusasteraan. Keunikannya lebih menyerlah kerana dipersembahkan dalam bahasa Arab, dilagukan oleh sekumpulan masyarakat yang memahami kebaikan dan kemanfaatannya. Sebagai sebuah kesenian yang muncul daripada tradisi Islam, maka usaha melestarikannya dalam masyarakat sebagai wadah penyatuan umat Islam wajar diteruskan. Usaha sekumpulan wanita di Kampung Hilir, Merbok, Kedah dalam mengetengahkan semula kesenian ini kepada suasana kontemporari amat membanggakan. Selain itu, qasidah burdah sebagai sebuah persembahan juga amat menarik kerana dapat bertindak sebagai wadah menyatukan masyarakat setempat. Dalam majlis persembahan berkenaan mereka akan berkumpul, mengadakan kenduri sempena majlis cukur jambul, Maulidur Rasul dan sebagainya. Banyak manfaat dapat dikongsi bersama dan menjadi simbol penyatuan sesama mereka. Daripada penelitian penulis terhadap teks ini, banyak lagi aspek yang wajar diketengahkan seperti unsur keindahan bahasa dan teknik penceritaan. Hal ini tentunya akan menyerlahkan teks ini sebagai suatu bentuk kesusasteraan yang mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri.

## NOTA

- <sup>1</sup> Ada juga pengkaji yang menyebut bahawa Sharaf al-Din Abu Abdullah Muhammad ibn Said al-Busiri ini dilahirkan di Dalas pada 608H dan berasal dari Morocco. Beliau dikatakan membesar di Busir maka, beliau digelar al-Busiri. Semasa di Cairo, beliau berpeluang mempelajari bidang sains Islam, bahasa Arab dan sastera. Beliau juga dikatakan memasuki Fakulti Undang-Undang Shafiite dari Shadhiliyah. Selain burdah, beliau turut menghasilkan karya-karya lain yang bertemakan puji-pujian, satira dan humor.
- <sup>2</sup> Qasidah burdah dikatakan telah memberi inspirasi kepada ramai sarjana, terutama untuk membuat ulasan tentang setiap rangkap yang ingin disampaikan oleh penulisnya. Teks berkenaan juga telah diterjemah dalam banyak bahasa. Malah, Al-Busiri telah memberi inspirasi kepada penyair lain sehingga terhasilnya rubai, masnawi dan ghazal.
- <sup>3</sup> Qasidah burdah dikatakan berasal usul daripada sebuah kisah penyembuhan ‘mistik’ seorang imam dari Tanah Arab, yakni Imam Sharafuddin Abu Abdullah Muhammad bin Hassan al-Busiri.
- <sup>4</sup> Al-Madaih al-Nabawiyah (Madih) atau *panegyrics for the prophet SAW* ialah suatu fenomena yang menunjukkan tentang kepercayaan bahawa Nabi Muhammad SAW hidup selama-lamanya secara spiritual. Ia berbeza dengan elegi atau *ritha* yang dihasilkan selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.
- <sup>5</sup> Seramai sepuluh ke 15 orang wanita yang terdiri daripada ibu-ibu yang berumur antara 28 tahun hingga 65 tahun menganggotai kumpulan ini. Mereka sering dijemput untuk membuat persembahan di majlis-majlis rasmi dan juga majlis sambutan Maulidur Rasul, bercukur jambul dan perkahwinan di sekitar negeri Kedah. Kumpulan ini agak terkenal di wilayah utara Malaysia kerana telah memenangi anugerah di peringkat daerah. Setiap ahli kumpulan ini amat fasih mengaji al-Quran. Kefasihan mereka dalam bacaan al-Quran menyumbang kepada keindahan ungkapan dan nyanyian yang diperdengarkan berdasarkan teks dan lagu yang khusus.
- <sup>6</sup> Pelbagai tafsiran diberikan oleh para pengkaji dan sarjana tentang istilah pemuliharaan dan pemeliharaan. Sebarang usaha pemuliharaan warisan sering dikaitkan dengan baik pulih dan pembinaan semula. Kerja ‘membaik pulih’ pula merujuk kepada perbuatan atau proses mengembalikan bentuk dan perincian asal secara sebenarnya, bagi sesebuah bangunan atau harta dan kedudukannya seperti rupa asalnya pada masa dahulu dengan cara menanggalkan sebarang penambahan dan pengubahsuaian yang telah dibuat kepada yang asal itu, atau dengan cara menggantikan bahagian yang hilang dengan yang serupa. Tafsiran tersebut mudah difahami jika dirujuk pada bahan berupa bangunan atau monumen sejarah. Pemuliharaan dan pemeliharaan juga dikaitkan dengan objek-objek lain, benda, bahan dan tapak sejarah atau warisan; dan dalam banyak hal, dikaitkan dengan tujuan pengekalan sejarah dan juga pembangunan pelancongan.

## LAMPIRAN



Rajah 1 Kulit DVD rakaman persembahan qasidah burdah



Rajah 2 Kulit DVD

## BIBLIOGRAFI

- Al-Quran dan terjemahannya*. (1970). Djakarta: Jamunu.
- Encyclopedia of Islam*. (1971). Leiden: London University Press.
- Ibd Ishak. (1974). *The life of Muhammad*. Lahore, Pakistan: Oxford University Press (Pakistan Branch.)
- Ismail Kamus & Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid. (2009). *Indahnya hidup bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- M.Said. *Kitab Maulid Berzanji*. (terj.) Indonesia: PT. Alma'arif Bandung.
- Manuskrip Maulud Jawi*. Versi: Siti Rahmah Ahmad, Kg. Permatang Rawa, Seberang Perai, Pulau Pinang.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1983). *Qasidahs in honor of the prophet*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Fauzi Haji Awang. (1974). *Cerita Israk dan Mikraj*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. (1977). *Memahami Islam, insan, ilmu dan kebudayaan*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Nicholson K. A. (1969). *A literary history of the Arabs*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sjaich A.K.D. (t.th). *Sorotan terhadap kisah Maulid, Nisfu Sa'aban*. Indonesia: H.S.A.Hamdany.
- Winstedt, R. D. (1969). *A history of classical Malay literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

